

Rujukan Kami (Our Ref) :UMP.02.01/10.12/2/1 (14)

20 Jun 2016

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 5 TAHUN 2016:
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2016**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekliling Pentadbiran UMP Bil. 5 Tahun 2016 mengenai pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) bagi tahun 2016 untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 5 TAHUN 2016

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2016

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai UMP selaras dengan PP Bil 4/2016: Bantuan Khas Kewangan Tahun 2016.

LATARBELAKANG

- 2.0 Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam mesyuarat bertarikh 17 Jun 2016 (Jumaat) telah meluluskan pemberian BKK sebanyak RM500.00 dengan **menggunakan sumber dalaman UMP** dan akan dibayar kepada staf di atas keprihatinan serta bagi menghargai khidmat bakti staf di UMP.
- 3.0 Jumlah peruntukkan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM926, 750.00** bagi menampung pembayaran kepada seramai 1,861 orang staf yang layak di UMP.

PELAKSANAAN

- 4.0 BKK diberi kepada semua pegawai UMP yang masih berkhidmat pada 8 Jun 2016, tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.
- 5.0 Pegawai yang layak dibayar BKK adalah seperti berikut:
 - 5.1. pegawai lantikan tetap, sementara, contract of service;
 - 5.2. pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - 5.3. pegawai yang bercuti tanpa gaji/ dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
- 6.0 Bagi pegawai lantikan contract of service dan Pekerja Sambilan Harian (PSH), tempoh 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016 adalah bermaksud boleh meliputi lebih dari satu kontrak yang bersambungan tanpa terputus. Lantikan yang menggunakan peruntukan tabung mengurus sahaja dibayar BKK.

- 7.0 Pegawai Yang Tidak Layak:
- 7.1. pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh dan cuti separuh gaji serta Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
 - 7.2. pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
 - 7.3. pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016;
 - 7.4. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016; dan
 - 7.5. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 8 Jun 2016.
- 8.0 Ditangguhkan Pembayaran
- 8.1. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan pada atau sebelum 8 Jun 2016 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian BKK. Pegawai hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.
- 9.0 Bayaran Bantuan Khas Kewangan ini akan dikreditkan ke dalam akaun staf pada **23 Jun 2016**.

TARIKH KUATKUASA

- 10.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 20 Jun 2016

Edaran kepada:

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)